

BAB KEDUA

CADANGAN PELAKSANAAN KHARAJ DI NEGERI TERENGGANU

2.1 Pendahuluan

Subjek kajian penulis ialah negeri Terengganu dalam tempoh pemerintahan Parti Islam SeMalaysia (PAS) iaitu daripada tahun 1999 sehingga pilihanraya ke sebelas diadakan. Sebelum huraian lanjut dibuat mengenai cadangan pelaksanaan kharaj di Terengganu, akan dihuraikan sedikit latar belakang geografi dan demografi negeri Terengganu. Huraian juga akan difokuskan kepada komposisi penduduk serta realiti kerjaya mereka.

Kajian ini akan cuba mendedahkan realiti semasa memandangkan keadaan persekitaran dan kondisi negeri Terengganu agak berbeza dengan tanah Arab, sudah tentu pelaksanaan kharaj ini perlu mengambil kira faktor setempat dan semasa, bersesuaian dengan metodologi syariah itu sendiri yang menuntut pengambilkiraan faktor ini dalam proses ijтиhad.

2.2 Terengganu: Sebuah Negeri Dalam Persekutuan Malaysia

Terengganu Darul Iman ialah sebuah negeri dalam persekutuan Malaysia. Luas negeri Terengganu ialah 12,955 kilometer persegi. Ia terletak di antara negeri Kelantan di sebelah utara dan barat laut, dan negeri Pahang di sebelah selatan dan barat daya. Di sebelah timur pula terhampar luas Laut China Selatan.⁹⁰ Pada Batu Bersurat yang dijumpai di Kampong Buloh, Kuala Berang, nama Terengganu ditulis sebagai “Terenkanu” (ترنكانو). Di atas duit timah (pitis) yang bertarikh 1310H (1891M) ejanya ialah “Terqanu” (ترقانو).⁹¹ Semasa pemerintahan Sultan ‘Umar (1839-1875)⁹² negeri Terengganu diberi jolokan sebagai “Darul-Salam”.⁹³

Negeri Terengganu pernah berada di bawah naungan Kerajaan Siam dan dikehendaki membayar ufti setiap tahun untuk memperoleh naungan dan perlindungan tersebut. Menerusi Perjanjian Bangkok yang dimeterai pada tahun 1909, kerajaan Siam bersetuju menyerahkan Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis kepada Inggeris. Inggeris kemudiannya menggabungkan keempat-empat negeri ini dalam satu kesatuan yang dinamakan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Setelah Perang Dunia Kedua tamat, orang-orang Melayu mula menyedari bahawa mereka tidak boleh bergantung kepada penjajah untuk menjaga kepentingan

⁹⁰ Tuan Sharif Tuan Putera et. al. (ed) (1999), *Pembangunan Terengganu Dahulu dan Sekarang*. Kuala Terengganu: Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu, h. 2

⁹¹ Muhammad Saleh Haji Awang, Dato' Setia Jasa (1992), *Sejarah Darul Iman*. Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, h. 43-48.

⁹² Sultan Umar diberi gelaran sebagai Marhum Baginda. Menjadi Sultan pada 4.11.1839 dan mangkat pada 23.4.1875. Tuan Sharif Tuan Putera et. al. (ed), op.cit., h. 3

⁹³ Muhammad Saleh Haji Awang, op.cit., h. 48.

mereka. Kebangkitan semangat kebangsaan telah menyatukan semua negeri-negeri Melayu bergabung di dalam Persekutuan Tanah Melayu untuk menuntut kemerdekaan daripada Inggeris. Kerajaan Inggeris memberikan syarat bahawa kemerdekaan akan diberikan sekiranya sebuah suruhanjaya ditubuhkan untuk merangka serta menggubal perlembagaan baru bagi Tanah Melayu. Sehubungan itu, satu suruhanjaya yang diketuai oleh Lord Reid telah ditubuhkan untuk tujuan tersebut. Setelah melalui beberapa proses, satu rang perlembagaan diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 15 Ogos 1957 dan ia mula dikuatkuasakan pada 27 Ogos 1957.⁹⁴

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga Undang-undang Tubuh Negeri Terengganu, ketua agama bagi negeri Terengganu ialah Seri Paduka Baginda Sultan Terengganu. Fasal 2 dan 5 dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa raja bagi setiap negeri adalah merupakan ketua agama Islam dalam negerinya, manakala Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja.⁹⁵ Kedudukan Raja atau Sultan sebagai Ketua agama Islam dalam negerinya adalah antara perkara yang telah dipersetujui semenjak 1957.

Sebagai Ketua Eksekutif, Sultan akan memperkenankan pelantikan Menteri Besar dari kalangan mereka yang mengetuai parti yang telah memenangi pilihanraya

⁹⁴ Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan (1997), *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM, h. 57.

⁹⁵ Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2000), *Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, h. 2 dan 3.

negeri. Menteri Besar adalah individu yang mendapat sokongan majoriti dalam Dewan Undangan Negeri. Di samping itu, Sultan juga akan memperkenankan pelantikan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri atas nasihat Menteri Besar.

;

Kuasa membuat undang-undang di peringkat negeri terletak pada Dewan Undangan Negeri. Walau bagaimanapun, bidang kuasa membuat undang-undang ini adalah dalam ruang lingkup perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Senarai Negeri⁹⁶ dan Senarai Bersama.⁹⁷ Kuasa untuk membuat undang-undang ini hendaklah dijalankan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan Persekutuan, sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan bahawa mana-mana undang-undang negeri yang berlawanan dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka perlembagaan menetapkan bahawa undang-undang Persekutuan hendaklah dipakai dan undang-undang negeri itu hendaklah terbatal, setakat mana ianya berlawanan dengan undang-undang persekutuan itu.⁹⁸

⁹⁶ Lihat: Senarai II (Negeri), Perkara 95B (I) (a), Perlembagaan Persekutuan

⁹⁷ Lihat: Senarai III (Bersama), Perkara 74 dan 77, Perlembagaan Persekutuan

⁹⁸ Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan, op.cit., h. 136. Rujuk juga Perkara 71 dan 74 Perlembagaan Persekutuan.

2.3 Latar Belakang Geografi Dan Demografi Negeri Terengganu

Negeri Terengganu terletak di pantai timur semenanjung Malaysia. Keluasan negeri Terengganu ialah 12,955⁹⁹ kilometer persegi atau 1,295,512 hektar yang merupakan 4% daripada keluasan bumi Malaysia. Pembahagian dari segi guna tanah daripada jumlah keluasan tersebut ialah 43% tanah perhutanan, 22.6% digunakan untuk tujuan pertanian, 6.5% digunakan untuk tujuan pembangunan, 0.3% digunakan untuk perindustrian dan 27.6% digunakan dalam sektor-sektor yang lain-lain.⁹⁹

Dari segi demografi pula, jumlah penduduk negeri Terengganu ialah seramai 1,017,252 orang. Daripada jumlah tersebut 961,303 orang atau 94.5% berbangsa Melayu, 46,793 orang atau 4.6% berbangsa Cina dan 5,086 orang atau 0.5% berbangsa India. Daripada jumlah ini, sumber buruh di negeri Terengganu ialah seramai 382,000 orang. Jadual di bawah menunjukkan keluasan tanah negeri Terengganu dan jumlah penduduk mengikut daerah:

⁹⁹ Urusetia Penerangan Negeri Terengganu, 1999.

Jadual 2.1

Taburan Penduduk dan Keluasan Tanah di Terengganu

| Daerah | Keluasan (Hektar) | Penduduk |
|------------------|----------------------|----------|
| Besut | 123, 367.8 | 140, 891 |
| Dungun | 273, 503.1 | 135, 547 |
| Hulu Terengganu | 387, 462.6 | 74, 288 |
| Kemaman | 253, 559.9 | 160, 565 |
| Kuala Terengganu | 60, 528.1 | 358, 939 |
| Marang | 66, 654. 3 | 92, 139 |
| Setiu | 130, 436. 3 | 54, 883 |

Sumber: Urusetia Penerangan Negeri Terengganu Tahun 1999

Daripada jadual di atas, didapati daerah yang paling tinggi keluasan tanahnya ialah Hulu Terengganu dan yang rendah sekali ialah Kuala Terengganu. Manakala dari segi kepadatan penduduk pula Kuala Terengganu adalah daerah yang memiliki kepadatan penduduk yang paling tinggi manakala Setiu pula paling sedikit penduduknya. Walaupun daerah Hulu Terengganu memiliki keluasan tanah yang tinggi tetapi kebanyakannya adalah merupakan tanah perhutanan. Sebagai ibu negeri, Kuala Terengganu memiliki kepadatan penduduk yang paling tinggi kerana ia menjadi tumpuan masyarakat untuk pelbagai aktiviti, di mana kebanyakan sumber buruhnya terlibat dalam bidang pengurusan, perkeranian dan perniagaan.

Penelitian terhadap butiran di atas sangat signifikan dengan penyelidikan ini justeru pelaksanaan kharaj adalah ke atas hasil pertanian, sama ada yang diusahakan oleh orang bukan Islam di atas tanah miliknya sendiri atau tanah milik orang Islam ataupun yang diusahakan oleh orang Islam di atas tanah milik orang bukan Islam. Berdasarkan peratusan guna tanah untuk pertanian adalah sebanyak 22.6 peratus daripada keseluruhan keluasan tanah negeri Terengganu, didapati tanah pertanian adalah seluas 292,785.1 hektar.

2.4 Pemilikan Tanah di Terengganu

Pemilikan tanah merupakan salah satu faktor utama yang diambilkira dalam pelaksanaan kharaj. Oleh kerana kumpulan sasar pelaksanaan kharaj ialah golongan bukan Islam, adalah perlu dikemukakan di sini statistik yang disediakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Terengganu mengenai kadar pemilikan tanah mengikut kaum di Terengganu.

Jadual 2.2

Hak milik tanah di Terengganu mengikut kaum

| Daerah | Melayu | | Cina | | India | | Lain-lain | |
|------------------|--------------|---------------------|--------------|-------------------|--------------|---------------------|---------------|--------------------|
| | Bil Hakmilik | Keluasa n (Hektar) | Bil Hakmilik | Keluasan (Hektar) | Bil Hakmilik | Keluas an (Hekta r) | Bil Hakmili k | Keluasa n (Hektar) |
| Marang | 37,838 | 18,787.23 | 1,300 | 1,113.36 | 19 | 40.22 | 5 | 8.71 |
| Dungun | 34,251 | 88,044.87 | 2,467 | 1,985.24 | 52 | 19.02 | 7 | 2.89 |
| Hulu Terengganu | 38,984 | 38,755.14 | 833 | 1,916.07 | 52 | 87.17 | 4 | 9.30 |
| Kemaman | 35,674 | 55,163.97 | 4,620 | 5,521.51 | 212 | 88.89 | 5 | 0.24 |
| Kuala Terengganu | 70,637 | 21,564.00 | 3,065 | 507.25 | 120 | 42.98 | 6 | 0.51 |
| Setiu | | 29,072.79 | | 368.52 | | 0 | | 13.42 |
| Besut | | Tidak diperolehi | | | | | | |

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Terengganu,2003

Berdasarkan jadual di atas,¹⁰⁰ didapati seramai 217,384 orang Melayu memegang hakmilik ke atas 222,315.21 hektar tanah. Di kalangan orang bukan Melayu pula, seramai 12,767 orang memegang hakmilik ke atas 11,343.36 hektar tanah. Daripada keseluruhan tanah yang dimiliki oleh orang bukan Melayu, secara puratanya, setiap seorang daripada mereka hanya memiliki tanah seluas 0.89 hektar sahaja. Dari segi guna tanah, keluasan ini lebih sesuai bagi kegunaan sebagai tapak kediaman sahaja dan bukannya untuk pertanian.

¹⁰⁰ Tidak termasuk daerah Besut dan Setiu kerana statistik yang lengkap bagi daerah tersebut tidak diperolehi.

Dari segi peratusan nisbah pemilikan tanah pula, daripada 233,658.57 hektar tanah yang mempunyai hakmilik tersebut, hakmilik orang Melayu ialah pada kadar 95.15 peratus dan hakmilik orang bukan Melayu hanya pada kadar 4.85 peratus sahaja.

2.5 Pertanian di Terengganu

Terengganu boleh dikategorikan sebagai sebuah negeri pertanian. Semenjak sebelum merdeka sehingga tahun 1970an, separuh daripada guna tenaganya terlibat dalam sektor pertanian. Pada tahun 1955, 52% rakyat terlibat dalam sektor tersebut. Ia terus meningkat kepada 58% pada tahun 1970, dan mencapai tahap 63% pada tahun 1975. Sumbangan sektor pertanian, ternakan, perikanan dan perhutanan kepada ekonomi Terengganu pada waktu itu ialah sebanyak 164.1 juta ataupun 44.4% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri.¹⁰¹

Walau bagaimanapun, struktur ekonomi negara pada tahun 1980an telah mengalami perubahan daripada pergantungan kepada sektor pertanian kepada sektor perkilangan. Perubahan ini berlaku akibat kemelesetan ekonomi pertengahan 1980an yang telah mengubah perspektif agar tidak terlalu bergantung kepada pengeluaran hasil komoditi untuk merangsang ekonomi negara. Dasar Pembangunan Negara

¹⁰¹ Tuan Sharif Tuan Putera et. al. (ed) (1999), op.cit., h. 243.

(DPN) telah diperkenalkan untuk menjayakan agenda kemajuan negara dan aliran pembangunan negara telah beralih dari era pertanian ke era perusahaan.¹⁰²

Di samping itu, sektor pertanian di negeri Terengganu menghadapi beberapa halangannya yang tersendiri. Keadaan geografi Terengganu yang memiliki kawasan pantai ratusan kilometer yang diliputi tanah berpasir (tanah beris) didapati tidak sesuai untuk penyuburan produk pertanian. Tanah di lembangan sungai pula menghadapi banjir pada setiap tahun dan menyulitkan lagi usaha pemulihan. Di kawasan-kawasan lain, kemudahan infrastruktur amat ketinggalan. Tanaman dusun pula sukar dipasarkan kerana ketiadaan kemudahan jalan yang baik.¹⁰³

Gabungan pelbagai cabaran dan halangan ini menyebabkan berlaku kemerosotan kepada sektor pertanian khasnya di Terengganu. Peratusan guna tenaga telah berkurangan mulai tahun 1980an. Sebagai contoh, pada tahun 1997, guna tenaga di sektor pertanian hanya tinggal sebanyak 19.7% sahaja. Sumbangan sektor pertanian kepada KDNK negeri Terengganu juga telah menurun daripada 44% pada tahun 1975 kepada 22% pada tahun 1980 dan terus turun kepada 6.8% pada tahun 1997.¹⁰⁴

¹⁰² Ibid., h. 423.

¹⁰³ Ibid., h. 244.

¹⁰⁴ Ibid., h. 256-257.

Jadual 2.3

Peratusan Guna Tenaga Sektor Pertanian Berbanding KDNK Terengganu

| | Tahun | 1975 | 1980 | 1990 | 1995 | 1997 |
|-------------|-------------|--------|--------|--------|--------|--------|
| KDNK | Nilai (RM) | 164.1J | 479.2J | 535.5J | 614.1J | 638.0J |
| | Peratus (%) | 44.4 | 22.0 | 9.7 | 7.6 | 6.8 |
| Guna Tenaga | Bil | 86,550 | 78,812 | 89,419 | 56,800 | 68,794 |
| | Peratus (%) | 63.0 | 47.0 | 36.0 | 23.5 | 19.7 |

Sumber: Pembangunan Terengganu Dahulu dan Sekarang

Untuk menangani kemerqsotan ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memajukan semula sektor pertanian. Beberapa pendekatan baru telah diambil seperti galakan kepada para petani mengusahakan tanah beris yang sebelum ini tidak subur dengan memperkenalkan tanaman tembakau, tembikai dan roselle. Monopoli orang tengah juga telah dikurangkan dengan bantuan beberapa agensi kewangan.

Dasar Pertanian Negeri 1984 telah digubal semula dan mulai tahun 1992 hingga 2010, kerajaan negeri memberi tumpuan kepada program-program berdasarkan kepada dasar baru ini yang lebih memberi penekanan kepada usaha membentuk masyarakat usahawan dan peniaga di kalangan petani, penternak dan nelayan.¹⁰⁵

Pertanian di Terengganu kebanyakannya tertumpu kepada komoditi utama negara iaitu getah, kelapa sawit, kelapa dan padi. Tanaman kelapa sawit menunjukkan peningkatan yang paling pesat iaitu daripada hanya 14,615 hektar iaitu 9.46% daripada keseluruhan tanah pertanian yang diusahakan berjumlah 154,519

¹⁰⁵ Ibid., h. 258.

Jadual 2.3

Peratusan Guna Tenaga Sektor Pertanian Berbanding KDNK Terengganu

| | Tahun | 1975 | 1980 | 1990 | 1995 | 1997 |
|-------------|-------------|--------|--------|--------|--------|--------|
| KDNK | Nilai (RM) | 164.1J | 479.2J | 535.5J | 614.1J | 638.0J |
| | Peratus (%) | 44.4 | 22.0 | 9.7 | 7.6 | 6.8 |
| Guna Tenaga | Bil | 86,550 | 78,812 | 89,419 | 56,800 | 68,794 |
| | Peratus (%) | 63.0 | 47.0 | 36.0 | 23.5 | 19.7 |

Sumber: Pembangunan Terengganu Dahulu dan Sekarang

Untuk menangani kemerosotan ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memajukan semula sektor pertanian. Beberapa pendekatan baru telah diambil seperti galakan kepada para petani mengusahakan tanah beris yang sebelum ini tidak subur dengan memperkenalkan tanaman tembakau, tembikai dan roselle. Monopoli orang tengah juga telah dikurangkan dengan bantuan beberapa agensi kewangan.

Dasar Pertanian Negeri 1984 telah digubal semula dan mulai tahun 1992 hingga 2010, kerajaan negeri memberi tumpuan kepada program-program berdasarkan kepada dasar baru ini yang lebih memberi penekanan kepada usaha membentuk masyarakat usahawan dan peniaga di kalangan petani, penternak dan nelayan.¹⁰⁵

Pertanian di Terengganu kebanyakannya tertumpu kepada komoditi utama negara iaitu getah, kelapa sawit, kelapa dan padi. Tanaman kelapa sawit menunjukkan peningkatan yang paling pesat iaitu daripada hanya 14,615 hektar iaitu 9.46% daripada keseluruhan tanah pertanian yang diusahaikan berjumlah 154,519

¹⁰⁵ Ibid., h. 258.

hektar pada tahun 1976, meningkat pada tahun 1986 kepada 50.45% atau 96, 546 hektar daripada 191, 375 hektar kawasan pertanian. Pada tahun 1997 ia meningkat lagi kepada 53.4% atau 142,433 hektar daripada keseluruhan kawasan pertanian yang berjumlah 266,708.39 hektar.¹⁰⁶ Manakala tanaman makanan asasi negara iaitu padi pula menunjukkan penurunan iaitu daripada 36,839 hektar pada tahun 1976 (23.84%) kepada 22,876 hektar pada tahun 1986 (11.95%) dan terus turun kepada 18,504 hektar pada tahun 1997 (6.94%).¹⁰⁷

Jadual 2.4

Keluasan Pertanian Yang Dimajukan Mengikut Jenis Tanaman

| TANAMAN | TAHUN | | | |
|--------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| | 1966 LUAS (HEK) | 1976 LUAS (HEK) | 1986 LUAS (HEK) | 1997 LUAS (HEK) |
| Getah | 60,087 | 91,400 | 61,181 | 86,095 |
| Padi | 24,671 | 36,839 | 22,876 | 18,504 |
| Kelapa Sawit | 1,380 | 14,615 | 96,546 | 142,433 |
| Kelapa | 6,668 | 10,861 | 7,653 | 5,160 |
| Limau | - | - | 44 | 575.9 |
| Roselle | - | - | - | 123 |
| Durian | - | - | 1,908 | 6,170.9 |
| Salak | - | - | 22 | 334.9 |
| Duku | - | - | 522 | 4,915.9 |
| Sayuran | - | 804 | 623 | 1,123 |
| Dokong | - | - | - | 1,272.79 |
| Jumlah | 92,806 | 154,519 | 191,375 | 266,708.39 |

Sumber: Pembangunan Terengganu Dahulu dan Sekarang

¹⁰⁶ Ibid., h. 255.

¹⁰⁷ Ibid.

2.6 Latar Belakang Agama di Terengganu

Bangsa Melayu dianggap sebagai bangsa asal atau pribumi yang menduduki negara ini. Bangsa ini mempunyai pertalian yang sangat erat dengan nama asal negara ini iaitu Tanah Melayu, serta wilayah kedaulatannya yang disebut Gugusan Kepulauan Melayu (Malay Archipelago).

Dasar dan budaya keterbukaan bangsa Melayu mempengaruhi bentuk hubungan mereka dengan para pedagang dan pendakwah Islam sama ada dari negeri China, India mahupun Araibn. Mereka dengan penuh keterbukaan menerima dan berasosiasi dengan para pedagang dan pendakwah tersebut, lantas menerima agama Islam yang membawa konsep, falsafah dan doktrin baru dalam kehidupan mereka.

Fakta sejarah telah membuktikan bahawa pada awal abad ke 14 Masehi, Terengganu telah berada di bawah pemerintahan Islam dan agama rasminya adalah Islam. Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303M (702H) membuktikan pemakaian dan penguatkuasaan undang-undang Islam di negeri Terengganu yang diisytiharkan oleh pemerintah pada masa itu, Raja Mandalika, Seri Paduka Tuan.¹⁰⁸

Masyarakat Melayu boleh dikatakan keseluruhannya adalah beragama Islam. Perkara (160) dalam Bahagian (12) Perlembagaan Persekutuan sendiri telah mentafsirkan orang Melayu sebagai seseorang yang menganuti agama Islam, lazim

¹⁰⁸ Tuan Sharif Tuan Putera et. al. (ed) (1999), op.cit., h. 2.

bercakap Melayu dan menurut adat istiadat Melayu.¹⁰⁹ Orang Melayu, dari segi realiti aqidahnya adalah pengikut Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah, manakala dari segi amalan dan hukum hakam fiqhnya mereka adalah pengikut mazhab Imam al-Syafie. Walaupun perbezaan pendapat dalam hukum fiqh merupakan suatu perkara yang lumrah dan perbezaan pandangan fuqaha itu sendiri memberikan keluasan kepada umat Islam sejak zaman berzaman, namun boleh dikatakan hampir keseluruhan umat Islam di Malaysia amnya dan di negeri Terengganu khasnya sangat berpegang teguh kepada mazhab Syafie.

Keadaan ini mungkin berpunca daripada faktor kedatangan Islam ke Tanah Melayu, di mana bangsa Arab yang aktif melakukan perniagaan dan pengembangan Islam ke Nusantara Melayu ini kebanyakannya berasal dari Oman, Hadhramaut, Shamar dan Bahrain. Mereka telah mendirikan koloni dan perkampungan di pantai Malabar dan berkahwin dengan perempuan-perempuan tempatan. Mereka mengamalkan mazhab Syafie kerana mazhab ini telah bertapak kukuh di negeri asal mereka iaitu di kawasan pantai sebelah Utara Tanah Arab sejak berabad lamanya.¹¹⁰

Majoriti kaum Cina pula adalah penganut Buddha dan sebahagian mereka mengamalkan Taoisme. Sementara sebahagian kecilnya adalah penganut agama Kristian. Masyarakat India pula menganut agama Hindu. Terdapat juga di kalangan masyarakat Cina dan India yang memeluk agama Islam, namun bilangan mereka adalah terlalu kecil.

¹⁰⁹ Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2000), *Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, h. 238.

¹¹⁰ Muhammad Saleh Haji Awang, op.cit., h. 29-32.

2.7 Perubahan Pentadbiran Negeri Dan Cadangan Pelaksanaan Kharaj di Terengganu

Pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu diketuai oleh seorang Menteri Besar. Mengikut perlembagaan negeri sehingga tahun 1995, Kerajaan Negeri dibenarkan melantik tidak lebih lapan orang menduduki kerusi Majlis Mesyuarat Negeri (Exco). Bagaimanapun, selepas pilihanraya pada tahun 1995, Parlimen Persekutuan dan Dewan Undangan Negeri Terengganu telah meluluskan pindaan perlembagaan menambah dua orang lagi ahli Exco. Berikutan dengan itu, mulai 1 April 1997, Y.A.B Menteri Besar telah melantik dua orang Exco tambahan menjadikan keseluruhan jumlahnya 10 orang.¹¹¹

Pantadbiran yang berkaitan dengan agama Islam diletakkan di bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan pendidikan agama di sekolah, pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, peningkatan keberkesanan dan pengurusan institusi baitulmal, zakat, wakaf, mahkamah syariah dan pendidikan tahfiz.¹¹²

Kerajaan negeri Terengganu telah dikuasai oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS) bersama parti-parti gabungannya di dalam Barisan Alternatif (BA) yang berjaya menewaskan Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum yang diadakan pada

¹¹¹ Tuan Sharif Tuan Putera, op.cit., h. 13.

¹¹² Ibid., h. 15.

bulan September 1999 yang lalu. Daripada 32 kerusi yang dipertandingkan PAS berjaya memenangi 28 kerusi manakala BN berjaya memenangi 4 kerusi.

Menteri Besar yang baru telah mengadakan beberapa perubahan terhadap portfolio ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco). Antaranya, Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam telah digantikan dengan Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah. Menerusi jawatankuasa inilah idea untuk melaksanakan kharaj telah dikemukakan dan seterusnya telah ditubuhkan satu unit untuk membuat kajian dan persiapan untuk merealisasikannya.

Penulis telah menemubual Tuan Haji Hassan Wahid¹¹³ yang merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah tersebut. Menurut beliau, kerajaan negeri membuat perancangan untuk pelaksanaan kharaj dengan objektif berikut:

- a. Untuk memberikan keadilan kepada rakyat Terengganu dari segi bebanan bayaran cukai. Senario hari ini ialah masyarakat petani Islam dipertanggungjawabkan dengan dua jenis cukai iaitu cukai tanah dan zakat pertanian, sedangkan masyarakat bukan Islam hanya dituntut membayar cukai hasil tanah sahaja. Sehubungan itu, masyarakat petani bukan Islam juga

¹¹³ Tuan Haji Hassan bin Wahid berkelulusan Sijil Tinggi Persekolahan. Mula bertugas sebagai Pembantu Peribadi (P.A) Dato' Harun Taib, Setiausaha Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah pada Disember 1999. Beliau bertugas secara sepenuh masa dengan PAS dan memegang jawatan Setiausaha Bilik Gerakan PAS Terengganu. Penulis telah memubual beliau pada 3 Jun 2002 di Wisma Darul Iman.

sepatutnya perlu menunaikan tanggungjawab yang sama menerusi pelaksanaan kharaj

- b. Kerajaan Terengganu bercadang menjadikan pelaksanaan kharaj ini sebagai mekanisme untuk menyelesaikan isu tanah haram. Mengikut amalan biasa, sesiapa yang mengerjakan pertanian di tanah haram akan diperintahkan meninggalkan tanah tersebut dan seluruh hasil pertanian akan disita oleh pihak berwajiibn Justeru, pihak pentadbiran negeri Terengganu bercadang untuk mengenakan cukai kharaj ke atas pengusaha tanah-tanah haram tersebut, tanpa mengira sama ada mereka beragama Islam atau sebaliknya, supaya mereka tidak akan menghadapi risiko kemungkinan hasil usaha mereka disita begitu sahaja oleh pihak pentadbir tanah

- c. Melalui pelaksanaan kharaj ini juga kerajaan negeri akan menggalakkan pembangunan tanah mati (*al-ard al-mawāt*) yang selama ini terbiar begitu sahaja tanpa sebarang produktiviti. Rakyat akan digalakkan membangunkan tanah-tanah mati dengan projek pertanian dan sebagai memenuhi kewajipan mereka kepada negeri Terengganu mereka akan diminta membayar kadar tertentu sebagai kharaj. Kadar kharaj daripada hasil tanah haram dan tanah mati mungkin lebih tinggi berbanding kadar kharaj yang dikenakan ke atas hasil pertanian yang diusahakan di atas tanah milik sendiri atau yang disewa

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Terengganu tidak pernah secara rasminya mengeluarkan sebarang kertas kerja ataupun kertas konsep yang menjelaskan secara

terperinci dan praktikal tentang bagaimanakah bentuk pelaksanaan kharaj yang dicadangkan itu. Penulis dimaklumkan sedemikian dalam temu bual bersama Tuan Haji Yussof bin Ali¹¹⁴ yang bertugas sebagai Penolong Setiausaha (Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah).

Penulis juga telah dimaklumkan oleh Encik Mohd. Yusof bin Muda,¹¹⁵ Ketua Kerani Dewan Undangan Negeri Terengganu, bahawa sepanjang pemerintahan PAS daripada tahun 1999 sehingga ke sekarang, usul mengenai kharaj tidak pernah dibentangkan oleh pihak kerajaan untuk dijadikan sebagai satu enakmen atau undang-undang.

Persoalan yang perlu dibincangkan ialah sejauhmanakah kewajaran kerajaan Terengganu melaksanakan kharaj memandangkan sejak dari awal cadangannya oleh kerajaan Terengganu, ianya telah dipolemikkan serta mengundang pelbagai tanggapan negatif daripada orang bukan Islam dan juga orang Islam daripada parti lawan. Jika kharaj dilaksanakan juga, apakah unjuran perolehan hasilnya nanti memadai dengan perbelanjaan pengurusan serta impaknya ke atas imej kerajaan

¹¹⁴ Tuan Haji Yussof bin Ali dilahirkan pada 1 Januari 1958. Mendapat ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1994. Beliau pernah berkhidmat sebagai guru selama 10 tahun. Mulai tahun 1994 beliau telah berkhidmat dengan kerajaan negeri dengan menyandang pelbagai jawatan, antaranya sebagai Penolong Pentadbir Tanah, Penolong Setiausaha (Pentadbiran), Penolong Setiausaha (Hal Ehwal Agama), Penolong Setiausaha (Hisbah dan Tugas-tugas Khas), Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN). Sekarang beliau bertugas sebagai Penolong Setiausaha (Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah). Penulis telah memubual beliau pada 27 Ogos 2003 di Wisma Darul Iman.

¹¹⁵ Mohd Yusof bin Muda dilahirkan di Kampung Wakaf Beruas, Kuala Terengganu pada 12 Oktober 1955. Mendapat pendidikan di peringkat Malaysian Certificate of Education (MCE). Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan negeri selama 24 tahun. Mula bertugas sebagai Pembantu Tadbir di Dewan Undangan Negeri Terengganu pada tahun 1992. Jawatan beliau sekarang ialah sebagai Ketua Kerani dan beliau bertanggungjawab menguruskan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan juga persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu. Penulis telah memubual beliau pada 27 Ogos 2003 di Pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu.

negeri Terengganu di mata masyarakat bukan Islam khasnya dan keseluruhan rakyat Malaysia umumnya, justeru kerajaan Terengganu yang menjadikan moto pentadbirannya “Membangun Bersama Islam”.

2.8 Pandangan Masyarakat Bukan Islam

Cadangan kerajaan negeri Terengganu untuk melaksanakan kharaj ini telah menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat bukan Islam, bukan sahaja di negeri Terengganu bahkan di peringkat nasional. Justifikasi kebimbangan ini adalah kerana dasar pelaksanaan kharaj dilihat sebagai amalan '*double standard*' iaitu memberikan layanan berbeza kepada komposisi kaum yang ada. Justeru, beberapa kenyataan daripada masyarakat bukan Islam memperlihatkan reaksi mereka yang kurang selesa terhadap cadangan ini.

Pada 14 Disember 1999, Majlis Perundingan Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia membuat kenyataan bahawa mereka sebulat suara membantah kutipan kharaj daripada masyarakat bukan Islam di Terengganu. Presiden Majlis, A. Vaithilingam berkata, “Keputusan ini dibuat oleh mesyuarat jawatankuasa Eksekutif Majlis itu dalam mesyuaratnya semalam”. Beliau menambah, “Memperkenalkan bentuk cukai yang berbeza berdasarkan agama adalah tidak adil, mendiskriminasikan dan tidak boleh diterima langsung”. Selanjutnya beliau berkata, “Sebarang perbuatan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi melaksanakan undang-undang

Syariah, hudud atau kutipan cukai daripada masyarakat bukan Islam dibantah sekeras-kerasnya oleh majlis ini".¹¹⁶

Salah sebuah parti yang menjadi sekutu PAS dalam Barisan Alternatif (BA) iaitu Parti Tindakan Rakyat (DAP) juga telah melahirkan perasaan kurang senang dengan cadangan pelaksanaan kharaj ini. Dalam satu kenyataan dalam sidang akhbar di Bilik Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Presiden DAP Lim Kit Siang berkata, "Dalam dialog dengan kerajaan PAS Terengganu, Menteri Besar Haji Abdul Hadi Awang¹¹⁷ telah bersetuju bahawa kharaj yang dicadangkan itu tidak akan dikenakan ke atas masyarakat jika ianya bertentangan dengan kehendak mereka. Hadi menjelaskan bahawa cukai kharaj yang dicadangkan itu masih berada di peringkat cadangan dan Harun Taib¹¹⁸ yang merupakan Pengurus Jawatankuasa Dakwah, Pendidikan dan Pelaksanaan Syariah adalah bertanggungjawab ke atasnya".¹¹⁹

Reaksi dari beberapa institusi sosial dan politik bukan Islam ini mendorong kerajaan negeri memberikan kenyataan maklumbalas yang lebih berhati-hati. Dalam dialog itu, Menteri Besar Terengganu telah menjelaskan bahawa perundingan dengan komuniti bukan Islam dan Majlis Perundingan pemimpin-pemimpin BA akan diadakan. Masyarakat bukan Islam akan diberi pilihan untuk menentukan sama ada mereka menerima cadangan cukai kharaj atau tidak, sebagaimana kakitangan awam

¹¹⁶ Lihat: Berita Harian 15 Disember 1999.

¹¹⁷ Sekarang Dato' Seri

¹¹⁸ Sekarang Dato'

¹¹⁹ Lihat: Berita Harian 16 Disember 1999.

diberi pilihan untuk menentukan sama ada mereka ingin mendapatkan pinjaman kerajaan tanpa faedah yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Terengganu.¹²⁰

Penulis berpendapat, masyarakat bukan Islam memberikan reaksi yang negatif kerana beranggapan pelaksanaan kharaj merupakan satu bentuk diskriminasi agama kerana ia hanya dikenakan ke atas orang bukan Islam. Mereka tidak menganggap kharaj sebagai suatu sistem yang adil kerana hanya dikenakan ke atas kumpulan etnik yang tertentu sahaja. Tindakan meletakkan jawatankuasa untuk mengkaji pelaksanaan kharaj di bawah portfolio yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan syariah ini boleh diinterpretasikan sebagai memaksa orang bukan Islam menerima ajaran Islam. Menurut Fasal 2 Perkara 8 Perlombagaan Persekutuan; Tidaklah boleh ada pembezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab ugama, kaum, keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang¹²¹. Fasal 3 Perkara 12 pula menyebut: Tiada sesiapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa ugama.¹²²

¹²⁰ Ibid.

¹²¹ Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2000), op.cit., h. 8.

¹²² Ibid., h. 14.

2.9 Prosedur Pemilikan Tanah Menurut Kanun Tanah Negara

Tanah adalah satu aset yang sangat besar kerana ia merangkumi satu kawasan tertentu termasuk segala yang ada di lapisan bawahnya. Menurut Akta Tanah Negara 1965, tanah termasuklah:-

- i. mukabumi dan semua benda-benda yang menjadikan mukabumi itu;
- ii. tanahbumi di bawah mukabumi dan semua benda-benda yang terkandung di dalamnya;
- iii. semua tumbuh-tumbuhan dan lain-lain keluaran semulajadi, sama ada memerlukan penggunaan tenaga berkala terhadap pengeluarannya atau tidak, dan sama ada ada di atas atau di bawah mukabumi itu.
- iv. Semua benda yang terlekat pada tanahbumi atau dilekatkan selama-lamanya pada apa-apa benda yang terlekat pada tanahbumi, sama ada di atas atau di bawah mukabumi itu; dan
- v. Tanah yang diliputi air;¹²³

Dalam konteks pemilikan seseorang terhadap mana-mana tanah dalam persekutuan Malaysia, terdapat beberapa kategori seperti yang telah ditetapkan oleh Kanun Tanah Negara. Persoalan yang sangat relevan dengan perbincangan tentang kharaj ini ialah tanah yang belum menjadi milik sesiapa ketika Akta Tanah Negara diwartakan pada tahun 1965.

¹²³ Lihat: Lembaga Penyelidikan Undang-undang (1999), *Kanun Tanah Negara*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, h. 5.

Sudah menjadi kebiasaan di kalangan rakyat negara ini meneroka tanah kerajaan secara haram sebelum sesuatu kawasan itu dibuka dan dimajukan oleh pihak pentadbir negeri. Mereka meneroka dan membangunkan tanah tersebut sama ada untuk dijadikan tapak kediaman atau tanah pertanian. Tanah-tanah ini dikenali sebagai Tanah Pemastautin Tanpa Hak, atau dikenali juga dengan istilah Tanah Rintahan Haram.

Tanah-tanah kerajaan ini perlu dipohon secara rasmi melalui Jadual 1 Kanun Tanah Negara (Aturan 2)¹²⁴ yang boleh didapati di mana-mana Pejabat Tanah di setiap daerah. Pihak kerajaan boleh melupuskan tanah tersebut daripada pemilikannya sama ada dengan cara memberi hak milik kepada pemohon¹²⁵ ataupun memberikannya secara Lesen Menduduki Sementara (LMS) atau lebih dikenali dengan istilah Temporary Occupied Land (TOL).¹²⁶

Lesen Tumpangan Sementara (TOL) biasanya akan diberikan kepada pemohon berkenaan mengikut kewajarannya dari segi keluasan dan jenis tanah yang dirintah secara haram itu sama ada tanah paya, tanah beris ataupun tanah bukit. Faktor lain yang turut diambil kira ialah kesesuaian sesuatu jenis tanah itu dengan jenis tanaman yang ingin diusahakan. Pemberian TOL akan diiringi dengan syarat-syarat yang ditetapkan tentang kegunaan tanah sama ada untuk kediaman ataupun pertanian, dan jenis tanaman yang dibenarkan jika lesen TOL itu adalah bagi tanah

¹²⁴ Lihat: Jadual 1 Kanun Tanah Negara (Aturan 2)

¹²⁵ Lihat: Seksyen 76 Bahagian 5 Kanun Tanah Negara (Pelupusan dengan cara pemberimilikan)

¹²⁶ Lihat: Seksyen 65 Bahagian 4 Kanun Tanah Negara (Pelupusan dengan cara TOL)

pertanian. Lesen ini perlu diperbaharui dari setahun ke setahun,¹²⁷ dan boleh ditarik balik oleh pihak kerajaan jika didapati tiada usaha membangunkan tanah tersebut sama ada sebagai kawasan pertanian ataupun tapak rumah dalam tempoh 3 tahun.

Pemegang lesen TOL bolehlah memohon untuk mendapatkan Hak Milik Muktamad. Pihak kerajaan akan membuat keputusan untuk meluluskan pemberian hak milik tersebut sama ada dalam bentuk Geran Mukim (GM)¹²⁸ ataupun Pajakan Mukim.¹²⁹ Menurut Encik Wan Nasir bin Wan Muda,¹³⁰ pada kebiasaananya jika tanah tersebut berada di kawasan luar Bandar, kerajaan akan memberikan hakmilik dalam bentuk Geran Mukim iaitu hakmilik untuk selama-lamanya. Jika lokasi tanah tersebut berada di kawasan bandar ataupun berhampiran dengannya, status yang diberikan ialah Pajakan Mukim, iaitu pemilikan selama 66 atau 99 tahun mengikut budibicara kerajaan.

Berdasarkan prosedur di atas, sesiapa sahaja boleh membuat rintahan terhadap tanah yang terbiar tanpa pemilik, dan mereka berpeluang memperoleh manfaat dari usaha pertanian yang dijalankan di atas tanah tersebut dengan syarat mereka perlu mengikuti segala prosedur yang telah ditetapkan dan sama sekali tidak melanggar apa-apa yang telah disyaratkan. Permohonan perlu dibuat kepada Pejabat Tanah dan

¹²⁷ Lihat: Seksyen 67 Bahagian 4 Kanun Tanah Negara.

¹²⁸ "Geran Mukim" ertiinya satu dokumen hakmilik daftaran atas Borang 5E. Ibid., h. 6.

¹²⁹ "Pajakan Mukim" ertiinya satu dokumen daftaran atas Borang 5D. Ibid.

¹³⁰ Encik Wan Nasir bin Wan Muda ialah Penolong Pegawai Tanah Gred NT 22. Beliau dilahirkan pada 17 April 1956 di Besut. Berkhidmat di Pejabat Tanah Besut daripada 1979 sehingga 1984. Beliau telah bertugas di Pejabat Tanah Setiu sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1985 sehingga sekarang. Penulis telah menemubual beliau pada 2 Februari 2003.

Galian (PTG) yang akan membawa setiap permohonan tersebut untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan daripada kerajaan negeri.¹³¹

¹³¹ Lihat: Seksyen 42 Bahagian 3 Kanun Tanah Negara.